

## FAKTOR DAN MODUS OPERANDI JENAYAH RAGUT: SATU KAJIAN KUALITATIF

*(Factors and Modus Operandi of Snatch Theft: A Qualitative Study)*

Khairi Anuar Rusli & Nur Hafizah Yusoff\*

### ABSTRAK

Artikel ini menghujahkan tentang penerokaan modus operandi kes ragut kajian menurut perspektif pegawai yang menjalankan soal siasat. Kejadian jenayah ragut di Malaysia amat membimbangkan masyarakat kerana adakalanya mendatangkan kecederaan dan kematian. Fokus utama kajian ini adalah membincangkan faktor-faktor yang mendorong penjenayah ragut melakukan jenayah ragut dan meneliti modus operandi penjenayah ragut. Penelitian dilakukan turut melihat samada terdapat perbezaan modus operandi jenayah ragut yang dilakukan oleh penjenayah pada masa dahulu dan kini. Kajian ini dijalankan secara kualitatif dengan menggunakan kaedah temu bual semi struktur terhadap pegawai yang menyoal siasat penjenayah ragut. Seramai lima orang pegawai penyiasat yang berpangkalan di Ibu Pejabat Daerah (IPD) Kajang. Kesemua informan mempunyai pengalaman menyoal siasat orang kena tahan (OKT) termasuk mereka yang terlibat dalam jenayah ragut. Analisis tematik digunakan bagi proses menganalisis data. Hasil kajian mendapati bahawa faktor penyalahgunaan dadah amat mempengaruhi penjenayah melakukan jenayah ragut. Manakala penggunaan motosikal merupakan modus operandi yang sangat popular untuk penjenayah melakukan ragut. Tiada perbezaan yang ketara dari segi modus operandi penjenayah dahulu dan kini dalam melakukan jenayah ragut. Maka dengan itu, Polis Diraja Malaysia disarankan untuk mempertingkatkan kecekapan dan kepantasan untuk mengurangkan peluang penjenayah untuk melakukan jenayah ragut. Dengan melakukan strategi yang betul serta penggunaan teknologi canggih mampu mengurangkan jenayah ragut di Malaysia.

**Kata kunci:** Jenayah, Modus operandi, Pegawai Penyiasat, penyalahgunaan dadah, sosiologi, Ragut

### ABSTRACT

This article argues about the exploration of the modus operandi of the snatch theft according to the perspective of the officer conducting the interrogation. The snatch theft crime in Malaysia is great concern to the community because it sometimes causes injuries and death. The focus of this study is to discuss the factors that motivate snatch theft criminals and examine the modus operandi of snatch theft criminals. Research is also done to see whether there are differences in the modus operandi of snatch theft committed by criminals in the past and now. This study was conducted qualitatively using semi -structured interview method on officers who interrogated

snatch theft criminals. A total of five investigating officers based at the Kajang District Headquarters (IPD). All informants have experience interrogating detainees (OKT) including those involved in snatch theft. Thematic analysis is used for the process of analyzing data. The results of the study found that drug abuse factors strongly influence criminals to commit snatch theft. While the use of motorcycles is a very popular modus operandi for criminals to commit snatching. There is no significant difference in terms of the modus operandi of criminals then and now in committing the crime of snatch theft. Therefore, the Royal Malaysian Police is advised to increase efficiency and speed to reduce the chances of criminals to commit snatch theft. By doing the right strategy and the use of advanced technology can reduce snatch theft crime in Malaysia.

**Keywords:** Crime, drug abuse, interrogation officers, modus operandi, snatch theft, sociology

## **PENGENALAN**

Perlakuan jenayah ragut merupakan antara jenayah yang seringkali berlaku terutama di kawasan bandar-bandar besar. Sebagai salah sebuah negara yang sedang membangun ke arah negara maju, Malaysia sememangnya terdedah kepada pelbagai cabaran dan antara yang paling membimbangkan masyarakat ialah kejadian jenayah termasuklah jenayah ragut. Perkembangan sektor ekonomi yang semakin pesat, kejadian jenayah ragut pada hari ini semakin kompleks dan ianya ditambah lagi dengan kelecikan serta modus operandi penjenayah yang pelbagai menyebabkan tugas pihak penguatkuasaan semakin mencabar. Tidak dinafikan faktor perbandaran adalah antara faktor yang banyak mempengaruhi peningkatan permasalahan jenayah ragut di kebanyakan bandar di Malaysia dan ianya menjadi semakin kompleks dan sukar dibendung kesan daripada kemajuan teknologi yang digunakan oleh penjenayah.

Di Malaysia, terutama di negeri Selangor, Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan Wilayah Persekutuan Putrajaya, siasatan Polis Diraja Malaysia (PDRM) mendapati kegiatan jenayah yang sering berlaku di kawasan bandar adalah pecah rumah, samun dan ragut. Tambahan lagi, lokasi jenayah ini kerap kali terjadi berdekatan kawasan kemudahan awam turut melibatkan penjenayah serupa dalam tempoh berturut-turut. Jenayah ragut sememang tidak asing lagi berlaku di negara Malaysia terutama di bandar-bandar. Indeks jenayah ragut dan samun 2017 di Kuala Lumpur meningkat kepada 1,010 kes berbanding 640 kes untuk tempoh yang sama tahun sebelumnya menurut Ketua Polis Kuala Lumpur, Datuk Mazlan Lazim (Syazwan Msar, 2017). Peningkatan jenayah ini disebabkan sikap orang ramai yang kurang peka terhadap barangan berharga masing-masing sekaligus memberi peluang kepada penjenayah untuk bertindak demikian. Walaupun ragut dan samun ada peningkatan namun secara keseluruhan indeks jenayah di bandar raya ini menurun kepada 11,815 berbanding 15,785 pada 2016. Statistik terkini yang dikeluarkan oleh PDRM, kes jenayah ragut mencatatkan penurunan sebanyak 47.7% pada tahun 2020 dengan jumlah kes dilaporkan adalah sebanyak 1,160 kes. Kebanyakan kes samun dan ragut ini dilakukan oleh individu tertentu yang sentiasa mengintai peluang melakukan jenayah berkenaan apabila mempunyai ruang berbuat demikian.

Walaupun banyak pihak melaporkan tentang kejayaan PDRM dalam aspek penyelesaian kes jenayah ragut dan kecemerlangan pasukan di peringkat antarabangsa, pelbagai usaha

dilakukan untuk membandungnya, namun ianya belum cukup untuk menyakinkan masyarakat terhadap senario permasalahan jenayah ragut dan bukan juga sebagai ukuran yang jelas bagi menunjukkan kebimbangan masyarakat bandar khususnya. Modus operandi secara konseptualnya adalah cara bertindak atau bekerja oleh orang-orang tertentu. Lazimnya modus operandi digunakan untuk membincangkan mengenai penjenayah dan jenayah yang dilakukan oleh mereka (Fonagy, 2001). Selain itu, modus operandi turut dinyatakan sebagai tabiat atau kebiasaan yang dilakukan oleh pemangsa untuk memerangkap mangsa sehingga membuka peluang untuk berlakunya jenayah (Blackburn, 1993). Modus operandi bukanlah satu kebiasaan yang statik, sebaliknya ianya sentiasa berubah bagi menyukarkan pihak berkuasa untuk melakukan tangkapan. Perubahan modus operandi ini secara tidak langsung akan mempengaruhi pihak berkuasa untuk menangkap penjenayah. Justeru itu, objektif artikel ini adalah untuk mengenalpasti faktor yang menyebabkan penjenayah meragut dan meneroka modus operandi yang dilakukan oleh penjenayah ragut.

## SOROTAN KARYA

Kajian mengenai Kejiranan Terhadap Faktor Yang Mendorong Perlakuan Jenayah oleh Mohammad Nazirul Bin Mohd Noh (2016). Kajian ini adalah untuk melihat faktor persekitaran fizikal dan fasiliti yang mendorong perlakuan jenayah seperti ragut. Persekitaran fizikal di kejiranan mewakili frasa fasiliti kejiranan. Secara istilah, fasiliti kejiranan adalah tempat untuk orang ramai atau persendirian seperti kedai, restoran, parkir kenderaan, hentian bas, kolam renang awam, mesin ATM, perpustakaan, stesen kereta api, dan pusat beli belah (Eck, Clare & Guerette, 2007). Keadaan fasiliti dan persekitaran fizikal yang terpelihara dan diselenggara dengan baik adalah penyumbang tingkah laku penduduk setempat sama ada secara langsung mahupun tidak langsung. Lantaran pengabaian persekitaran fizikal dan fasiliti maka wujudnya tempat-tempat yang digelar “fasiliti berisiko”. Kawasan yang dikatakan “fasiliti berisiko” adalah keadaan fasiliti yang mampu menarik tindak balas pelaku jenayah untuk melakukan jenayah terutama orang yang tinggal di tempat berdekatan. Antara faktor yang mendorong perlakuan jenayah termasuk ragut adalah seperti keadaan jalan raya, reka bentuk pejalan kaki, pencahayaan, keadaan bangunan/fasiliti, penguatkuasaan peraturan/polisi dan komunikasi pihak pengurusan fasiliti/kemudahan. Manakala fasiliti yang berisiko adalah stesen bas, lot parkir dan taman permainan.

Penduduk di kawasan bandar besar misalnya di Pulau Pinang, rata-ratanya menyuarakan kekusaran mereka terhadap jenayah di kawasan tempat kediaman (Nor-ina Kanyo et al, 2011). Situasi sama dapat dilihat di Sabah, terdapat lima kawasan ‘panas’ berkaitan jenayah harta benda di Sabah. Lima kawasan tersebut adalah Kota Kinabalu, Penampang, Sandakan, Tawau dan Lahad Datu. Kesemua kawasan yang dinyatakan itu merupakan kawasan yang pesat membangun dan mempunyai kepadatan penduduk yang tinggi. Jenayah yang menyasarkan manusia sebagai mangsa harus ditagani kerana ianya mengakibatkan trauma dan meninggalkan kesan terhadap mangsa serta ahli keluarga mereka (Faizah Md Latiff & Nikmatul Adha Nordin, 2015).

Seterusnya kajian yang dilakukan oleh Faizah Md Latif dan Nikmatul Adha Nordin (2015) mengenai penggunaan *Space Syntax* dalam penentuan kawasan risiko jenayah di bandar. Sistem Pemantauan Bandar Selamat (SPBS) yang mengandungi pemetaan GIS jenayah adalah

salah satu daripada enam langkah segera Program Bandar Selamat yang diperakukan oleh Bidang Keberhasilan Utama Negara (NKRA) bagi mengurangkan jenayah di bawah Program Transformasi Kerajaan (GTP) merupakan web aplikasi GIS jenayah di Malaysia. Pelaksanaan SPBS adalah untuk Transformasi pemetaan conventional (Pin-Map) kepada GIS. SPBS merupakan alat pengurusan data dan pemantauan jenayah di Malaysia. *Hotspot* adalah kawasan geografi bagi purata jenayah yang lebih tinggi. Berdasarkan peta *hotspot* jenayah jalan dari SPBS kawasan pentadbiran Dewan Bandaraya Kuala Lumpur, Malaysia pada Januari-Disember 2013 menunjukkan kawasan pusat bandar Kuala Lumpur iaitu kawasan Pudu, Bukit Bintang dan Chow Kit merupakan kawasan paling tinggi kes jenayah jalan iaitu samun berkawan tanpa bersenjata api, samun tanpa bersenjata api dan curi ragut. *Space syntax* adalah satu set teknik untuk menganalisis rangkaian jalan bandar dengan cara tersendiri dalam membentuk corak dan struktur asas yang ringkas bagi mempengaruhi corak aktiviti ruang tersebut, terutamanya ruang pergerakan dan gunatanah (Hillier dan Sahbaz, 2008). Sebelum kawasan kajian dianalisis, satu *axial map* perlu dihasilkan. *Axial map* bagi kawasan Pusat Bandar Kuala Lumpur, di mana jalan-jalan atau ruang (dipersembahkan dalam bentuk garisan) telah diproses dalam perisian *Depthmap*. Hasil analisis *space syntax* telah menunjukkan Jalan Tun Perak, Jalan Bukit Bintang, Jalan Tun Tan Cheng Lock, Jalan Pudu, Jalan Tunku Abdul Rahman mempunyai nilai integrasi yang tinggi (garisan berwarna merah dalam *axial map*) dan mempunyai lebih potensi pergerakan dalam rangkaian itu. Jalan Imbi dan Jalan Sultan Ismail juga mempunyai nilai integrasi yang tinggi (garisan berwarna jingga dalam *axial map*) dan perlu dilihat kawasan sekitarnya kerana jalan-jalan ini berhampiran dengan Jalan Pudu dan Jalan Bukit Bintang. Oleh yang demikian jalan-jalan ini perlu diberi perhatian dari segi pemantauan dan rondaan yang lebih progresif oleh pihak polis dan pihak berkuasa tempatan.

Kajian-kajian lepas yang dijalankan lebih memberi tumpuan kepada faktor berlakunya jenayah serta langkah pencegahan jenayah. Sangat kurang kajian yang menumpukan kepada modus operandi jenayah ragut khususnya dilakukan. Kepentingan kajian yang memfokuskan kepada modus operandi dilihat perlu kerana dalam bidang devians dan kriminologi, langkah utama dalam memerangi sesuatu jenayah adalah keperluan memahami mengapa jenayah terjadi dan proses bagaimana ianya terjadi.

## **METODOLOGI**

### **Kaedah Pengumpulan Data**

Kajian menggunakan pendekatan kualitatif melalui temubual semi struktur bagi meneroka perlakuan penjenayah ragut dan modus operandi yang dilakukan oleh penjenayah. Temubual semi struktur dipilih kerana ianya merupakan kaedah yang sesuai bagi mendapatkan data an menjawab objektif kajian. Beberapa soalan utama dibina dan berkembang seiring dengan maklum balas yang diberikan oleh pihak informan kajian. Kaedah ini dijalankan secara bersemuka dengan informan kajian. Melalui temubual semi struktur, beberapa soalan utama berkaitan modus operandi jenayah ragut seperti, apakah modus operandi yang menjadi kebiasaan oleh penjenayah, bagaimana proses modus operandi dilakukan oleh penjenayah dan samada terdapat perbezaan antara modus operandi dahulu dan kini bagi jenayah ragut. Dengan pendekatan

kualitatif, pengkaji dapat memperolehi maklumat-maklumat yang diinginkan daripada pegawai yang menjalankan soal siasat penjenayah ragut secara terus dan kesahihan maklumat itu dapat meningkatkan pemahaman terhadap perkara yang dikaji.

### **Kaedah Persampelan**

Kaedah persampelan bertujuan digunakan bagi mendapatkan informan kajian. Ciri-ciri khusus seperti pegawai penyiasat kes jenayah ragut, bertugas di IPD Kajang dan mempunyai pengalaman menyoal siasat tahanan atau tangkapan berkaitan kes jenayah ragut. Selepas ciri-ciri khusus ditetapkan, pengkaji menggunakan bantuan 'key informant' bagi mendapatkan kesemua unit analisis kajian. Informan utama dalam kajian ini merupakan Ketua IPD Kajang dan beliau membantu mengenalkan pengkaji dengan lima informan kajian yang menepati ciri khusus tersebut. Bagi jumlah subjek yang akan dilibatkan dalam kajian ini, pemilihan subjek dalam kajian kualitatif tidak berasaskan pada jumlah ataupun kuantiti sampel seperti dalam kajian kuantitatif, yang penting adalah subjek yang dipilih dapat memberikan maklumat secara maksimum untuk menjawab permasalahan yang dikaji, dan subjek tersebut dapat memberikan maklumat yang lebih kurang sama (sampai pada tahap tepu) terhadap permasalahan yang dikaji. Penentuan jumlah subjek seramai lima orang dianggap telah memadai apabila data yang didapatkan telah sampai pada tahap "*redundancy*" ataupun telah sampai pada tahap tepu. Dengan perkataan lain walaupun pengkaji menambahkan subjek baharu namun tidak lagi memberikan maklumat tambahan tentang masalah yang dikaji. Justifikasi mengapa pegawai penyiasat dijadikan sebagai informan kajian adalah kerana mereka mempunyai pengalaman dan maklumat luas berkaitan jenayah ragut serta mereka dapat memberikan gambaran tepat tentang isu kajian. Selain itu, kajian ini dijalankan ketika pandemik Covid19 dan ketika Malaysia berdepan dengan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP), maka pengkaji tidak mendapat kebenaran untuk menemubual OKT atau banduan di lokap mahupun penjara.

### **Kaedah Memproses dan Menganalisis Data**

Analisis tematik digunakan bagi menganalisis data kajian. Analisis tematik merupakan kaedah kajian yang digunakan secara meluas di dalam penyelidikan kualitatif. Terdapat enam proses yang digunakan bagi menganalisis data tematik dalam penyelidikan seperti mengumpul dan menyortir data kajian, menghasilkan kodifikasi awal, mencari tema-tema, membuat sorotan tema, memperhalusi pengkategorian tema dan menghasilkan laporan. Dalam kajian ini, pengkaji telah membina tema-tema utama bagi menjawab isu berkaitan penglibatan penjenayah dalam jenayah ragut dan modus operandi yang digunakan oleh mereka. Hasil kajian dipersembahkan secara deskriptif dan naratif.

## HASIL DAN PERBINCANGAN

### Profil Informan

Sepertimana yang dinyatakan sebelum ini, terdapat lima orang informan mewakili pegawai penyiasat kes jenayah ragut di IPD Kajang. Jadual 1 menunjukkan keterangan mengenai kesemua informan kajian.

**Jadual 1:** Profil informan


Informan	Pangkat	Cawangan	Tempoh perkhidmatan tahun)
1	SM	D9, JSJ	39
2	KPL	D9, JSJ	17
3	KPL	D9, JSJ	23
4	KPL	D9, JSJ	11
5	SJN	D9, JSJ	40

Berdasarkan Jadual 1, kesemua informan berpengkalan di unit D9, Jabatan Siasatan Jenayah (JSJ) di IPD Kajang. Para informan terdiri daripada Mereka yang berpangkat Sarjan Mejar (SM), Koperal (KPL) dan Sarjan (SJN). Kesemua informan telah terlibat dalam institusi kepolisan melebihi tempoh 10 tahun. Informan D memiliki pengalaman paling rendah iaitu sebanyak 11 tahun dan informan E memiliki pegalaman selama 40 tahun. Pengalaman luas dalam kalangan informan ini sangat penting bagi membantu pengkaji mendapatkan maklumat berkaitan modus operandi jenayah ragut.

### Faktor terlibat dalam Jenayah Ragut

Terdapat pelbagai faktor yang menyumbang kepada berlakunya jenayah ragut di bandar Kajang terutamanya. Faktor-faktor tersebut diperincikan seperti Rajah 1 di bawah.

**Rajah 1:** Faktor mendorong Jenayah Ragut





Berdasarkan Rajah 1, Terdapat enam faktor yang dikenalpasti iaitu desakan hidup, pengangguran, peningkatan kos sara hidup, pengaruh dadah, tiada kesedaran sivik dan perbandaran. Faktor desakan hidup, pengangguran dan peningkatan kos sara hidup boleh digabungkan bersama kerana ketiga-tiganya saling mempengaruhi dan memberi kesan terhadap kesejahteraan hidup anggota masyarakat. Mendapatkan wang dengan cara mudah dan keperluan membeli barang harian (Kostadis, 2017) malah ada yang mahu mendapatkan bekalan dadah menjadi sebab mengapa penjenayah ragut mengambil jalan mudah bagi mendapatkan wang. Perkara ini disokong oleh kenyataan informan:

“Sepanjang saya menjalankan soal siasat terhadap tangkapan penjenayah kes ragut terdapat peragut melakukan jenayah kerana kesempitan hidup, tiada pekerjaan tetap dan terlibat dengan penagihan dadah” (Informan 1).

“Banyak faktor sebenarnya, salah satu suspek memang suka meragut kerana untuk mendapatkan wang dengan mudah, ada juga mengaku sewaktu siasatan dijalankan kerana desakan hidup dan ada yang mengaku kerana masalah penagihan dadah. Jadi suspek perlukan duit untuk membeli dadah” (Informan 2).

Desakan hidup adakalanya berkait rapat dengan faktor pengangguran. Kebanyakan penjenayah ragut tiada pekerjaan tetap dan ada yang tidak mempunyai pekerjaan langsung (Alabi, 2014 & Okafor, 2011). Tiada pekerjaan bermakna tiada wang untuk membeli barang keperluan diri mahupun keluarga. Justeru itu, ada yang mengambil jalan pintas dengan meragut. Menurut informan:

“Kebanyakan peragut tidak mempunyai kerja tetap, selalu bertukar-tukar kerja, terlibat dengan dadah, tinggal menyewa bersama rakan-rakan, terdiri daripada golongan tercicir dalam pelajaran dan kurang didikan agama” (Informan 1).

“Hasil daripada tangkapan yang dilakukan mendapati peragut ini tidak mempunyai pekerjaan yang tetap, suka bertukar-tukar kerja, dan terlibat dengan penggunaan dadah” (Informan 3).

Bagi penjenayah yang menjadikan jenayah sebagai satu ‘kerjaya’ atau *criminal career* pula berbeza kerana mereka memang tidak mahu terlibat dalam pekerjaan lain (John, Peter & David, 2012) kerana bagi mereka kerjaya sebagai seorang peragut adalah lebih mudah dan hasilnya juga lebih lumayan. Lazimnya mereka yang menjadikan jenayah sebagai kerjaya lebih mahir dalam mengatur strategi atau modus operandi dan mengaburi mata pihak berkuasa dari menangkap mereka.

Faktor seterusnya adalah pengaruh dadah. Menurut informan, rata-rata peragut yang disoal siasat mengakui bahawa mereka mengambil dadah terlebih dahulu sebelum meragut dan hasil dari ragut mereka menggunakan untuk membeli bekalan dadah. Informan mengulas lanjut:

“Kebanyakan peragut melakukan jenayah ragut kerana terlibat dengan penagihan dadah. Mereka memerlukan wang setiap hari untuk membeli dadah dan cara yang mudah untuk mendapatkan wang adalah dengan melakukan jenayah ragut” (Informan 3).

“Peragut membelanjakan untuk kegunaan harian dan ada yang membeli dadah hasil daripada kegiatan ragut. Barangan kemas yang dicuri akan dileburkan dan hasil wang yang diperolehi akan digunakan untuk membeli dadah” (Informan 4).

“Peragut menjual barangan kemas yang diragut kepada pembeli yang membeli barangan kemas, manakala handphone pula dijual kepada token-token dadah. Setelah menjual barangan ragut, suspek menggunakan hasil wang diperolehi untuk membeli dadah dan juga kegunaan harian” (informan 5).

Seperti yang diketahui ramai, dadah membawa banyak kesan negatif terhadap pengambilnya. Penyalahgunaan dadah secara berterusan bukan sahaja membahayakan diri individu tersebut (Zarina Othman, Nor Azizan Idris & Mohamad Daud Drius, 2015). Malah merisiko golongan lain menjadi mangsa jenayah penagih dadah ini. Hal ini yang berlaku di dalam situasi jenayah ragut apabila penjenayah yang juga penagih dadah telah hilang kewarasan akal dek kerana kesan dadah dan menjadikan orang awam sebagai sasaran jenayah ragut Mereka. Seterusnya, tiada kesedaran sivik juga menjadi antara sebab penjenayah terlibat dalam jenayah ragut. Mereka yang terlibat dalam jenayah ragut kebiasannya tidak memikirkan tentang orang lain terutama mangsa kejadian ragut samada mangsa mengalami kecederaan atau trauma akibat perlakuan jenayah tersebut.

Seterusnya faktor perbandaran juga menjadi antara penyumbang berlakunya peningkatan jenayah ragut di Kajang khususnya. Menurut informan:

“Ya, seperti kita lihat pembinaan MRT di daerah Kajang juga telah menyebabkan peragut menyasarkan mangsa-mangsa yang turun dari MRT” (Informan 1).

“Ya, kejadian ragut meningkat kerana terdapat kepesatan pembangunan menyebabkan peningkatan kes ragut” (Informan 2).


Peragut biasanya menyasarkan Kawasan tertentu yang pada pandangan Mereka mempunyai potensi besar untuk meraih pulangan. Kawasan MRT misalnya merupakan Kawasan tumpuan orang ramai yang bekerja. Peragut menyasarkan pekerja-pekerja yang menggunakan perkhidmatan ini dan aktiviti meragut dijalankan bukan pada waktu puncak bagi mengelakkan risiko ditangkap oleh orang awam atau polis bantuan yang berada di Kawasan sekitar. Perbandaran juga membawa masuk ramainya warga asing bagi mengisi peluang pekerjaan yang kian berkembang. Kebanjiran warga asing juga menjadi antara punca jenayah ragut meningkat. Jenayah ragut bukan sahaja dilakukan oleh warga tempatan bahkan warga asing yang turut dihipit dengan desakan hidup dan masalah dadah turut terlibat dengan kejadian jenayah ragut (Mohamad Shahrudin Samsurijan et al, 2012).

### **Modus Operandi Jenayah Ragut**

Bagi penjelasan mengenai modus operandi jenayah ragut, terdapat enam jenis modus operandi yang lazimnya digunakan oleh penjenayah bagi melaksanakan jenayah mereka.



Rajah 2: Jenis Modus Operandi Jenayah Ragut



Seperti yang dinyatakan di peringkat awal penulisan, modus operandi adalah satu perbuatan atau kebiasaan yang lazimnya biasa digunakan oleh penjenayah untuk melakukan perbuatan jenayah mereka. Berdasarkan Rajah 2, terdapat enam modus operandi yang dikenal pasti seringkali dilakukan oleh penjenayah ragut. Enam modus operandi tersebut adalah (i) pura-pura bertanya; (ii) menggunakan motosikal; (iii) menyasarkan Wanita sebagai mangsa; (iv) meragut penunggang motosikal; (v) meragut atas jejantas dan (vi) menyamar sebagai anggota keselamatan. Bagi modus operandi pertama iaitu berpura-pura bertanya soalan kepada mangsa misalnya menanyakan alamat atau jalan ke sesuatu tempat bagi mengelakkan mangsa berasa ragu-ragu dan menarik mangsa dekat dengan penjenayah bagi memudahkan mereka meragut mangsa. Pernyataan ini disokong oleh informan 1 *“Terdapat kejadian ragut di mana peragut ada yang menyamar sebagai penghantar barangan bertanyakan alamat kepada mangsa dan apabila mangsa leka saspek terus meragut barangan berharga milik mangsa dan kemudiannya melarikan diri”*. Situasi ini jelas menggambarkan bahawa terdapat elemen ruang dan peluang yang disedari oleh penjenayah dan mereka mengambil ruang dan peluang tersebut bagi menjayakan misi meragut.

Bagi modus operandi kedua iaitu menggunakan motosikal sebagai alat membantu mereka melaksanakan jenayah ragut terutamanya di kawasan bandar dan sesak. Menurut informan secara terperinci:

*“Sepanjang saya menjalankan siasatan kes ragut, kenderaan yang digunakan oleh peragut sewaktu melakukan jenayah ragut adalah menggunakan motosikal”* (Informan 1).

*“Peragut menggunakan motosikal sewaktu melakukan ragut...mereka menggunakan motosikal jenis Yamaha Y15, Yamaha 125 dan Hoda RS...motosikal yang digunakan selalunya menggunakan nombor pendaftaran kecil dan ada yang menggunakan nombor pendaftaran palsu bagi menyukarkan pengecaman”* (Informan 3).

“Peragut menggunakan motosikal dan selalunya menggunakan nombor pendaftaran kecil dan ada juga menggunakan nombor pendaftaran palsu dari jenis motosikal yang sama” (Informan 5)

Antara sebab utama peragut menggunakan motosikal sebagai alat bantuan ketika meragut adalah kerana mereka mudah meloloskan diri seandainya jenayah mereka dikesan (Ainur Zaireen Zainuddin & Jalaluddin Abdul Malek, 2010) oleh orang awam mahupun pihak berkuasa. Selain itu, menggunakan motosikal curi dan nombor pendaftaran palsu turut dilakukan oleh penjenayah bagi mengelak dikesan oleh pihak polis. Statistik banyak menunjukkan bahawa mangsa jenayah ragut terdiri daripada kumpulan rentan misalnya wanita (Suhaili Shahril & A’dawiyah Ismail, 2020) dan warga emas (Seng Boon Lim et al, 2020). Peragut menyasarkan kumpulan rentan kerana faktor fizikal yang lemah dan kurang keupayaan melawan semasa meragut. Selain itu, barangan yang diperoleh oleh mangsa wanita adalah lebih banyak dan bernilai berbanding mangsa lelaki. Barangan-barangan yang diperoleh ini jarang sekali digunakan oleh peragut kerana mereka akan menjualkannya kepada pihak ketiga bagi mendapatkan wang dan ada yang melakukan sistem barter dengan menukar barangan curi dengan dadah.

Penjenayah ragut turut menyasarkan penunggang motosikal sebagai salah satu sasaran utama mereka (Yew, 2012). Menurut hasil temubual, pegawai yang menyoal siasat memberitahu terdapat juga penjenayah ragut melakukan ragut dengan meragut beg mangsa yang diletakkan di dalam bakul motosikal terutama golongan wanita yang gemar meletakkan beg tangan dalam raga motosikal. Antara sebab utama modus operandi ini digunakan adalah kerana kecepatan penjenayah ragut dapat melarikan diri setelah jenayah ragut dilakukan oleh mereka (Monk, Heinonen & CK, 2010). Tambah informan pula:

“Peragut juga ada menyasarkan golongan wanita dan juga lelaki yang menaiki dan meletakkan barangan berharga milik mereka di dalam raga motosikal. Penjenayah akan mengekori mereka sehingga mereka berhenti di lampu isyarat seterusnya meragut mereka dan kemudiannya melarikan diri” (Informan 1).

“Peragut menyasarkan mangsa menaiki motosikal dan meletakkan beg di dalam raga motosikal. Mereka akan mengekori mangsa sehingga ke lampu isyarat atau apabila mangsa memberhentikan kenderaan seterusnya meragut barangan berharga dan melarikan diri” (Informan 2).

Perbuatan mengekori penunggang motosikal dan meragut di lampu isyarat antara modus operandi biasa yang dilakukan oleh mangsa. Malah, ada juga peragut yang bertindak agresif dengan mengekori penunggang motosikal dan menendang motosikal mangsa sebelum meragut beg tangan mangsa. Perbuatan tersebut mengundang bahaya kepada penunggang motosikal dan boleh mendatangkan kecederaan malahan kematian. Selain itu, modus operandi popular peragut adalah menyamar sebagai anggota keselamatan. Menurut informan, penyamaran ini berlaku terhadap warga asing kerana warga asing adakalanya tidak memiliki permit kerja yang sah. Menurut informan 4, “*Ada juga modus operandi tersebut berlaku di mana peragut menyasarkan warga asing sebagai mangsa. Mereka menyamar sebagai penguatkuasa meminta pengenalan milik mangsa, merampas beg milik mangsa dan kemudiannya melarikan diri*”. Terdapat juga mangsa tempatan yang terperangkap dengan modus operandi ini kerana mempercayai bahawa peragut adalah pihak berkuasa dan ketika mereka leka mengeluarkan dokumen pengenalan diri, rakan suspek akan menarik beg tangan mangsa atau meragut barang kemas mereka.

Bagi informan 5 yang memiliki pengalaman panjang dalam institusi kepolisan, beliau menyatakan bahawa terdapat perbezaan minima dari segi modus operandi dahulu dan kini. Jika dahulu selain dari kelima-lima modus operandi yang telah dinyatakan paragut turut sering melakukan aktiviti meragut di kawasan jejantas. Namun kini, paragut telah mula kurang mengamalkan modus operandi tersebut kerana kesukaran meragut di kawasan jejantas menggunakan motosikal serta kurangnya mangsa di kawasan jejantas. Tambahan beliau lagi, *“Paragut tidak menyasarkan kawasan jejantas kerana sukar melarikan diri dan kawasan sunyi pula jarang berlaku kerana kurang mangsa di kawasan tersebut. Mereka lebih memilih kawasan orang ramai kerana mudah untuk mencari mangsa”*.

Justeru itu, paragut lebih gemar memilih kawasan tumpuan orang ramai kerana mereka boleh mengkaji dan memilih mangsa yang dirasakan sesuai untuk meragut. Bukan itu sahaja, paragut juga lebih gemar meragut di kawasan kediaman yang memiliki pelan susur jalan yang lemah (Block & Block, 1995). Misalnya, kawasan hot spot kejadian ragut di Pandan Indah kerana laluan yang ada di kawasan kediaman berdekatan adalah terpencil dan terlindung. Maka paragut mudah untuk meloloskan diri. Selain itu, paragut dahulu dan kini lebih gemar meragut secara bersendirian atau berdua. Lebih kecil jumlah keahlian lebih kecil peluang mereka akan ditangkap. Terdapat sedikit perbezaan pada masa kini apabila penjenayah ragut telah berani melakukan jenayah mereka secara terbuka dan di tempat awam. Menurut informan 1, *“Tidak juga, kalau dahulu mungkin pada orang yang jalan berseorangan tempat yang tiada orang. Sekarang ni lain sedikit...Ya, lebih menyeluruh, jika kawasan tu ada CCTV pun dia akan buat”*. Ketakutan diperhatikan oleh orang awam atau ditangkap oleh pihak berkuasa semakin berkurangan bagi segelintir paragut. Situasi ini dilihat seakan mencabar pihak berkuasa dalam menagani jenayah ragut sedia ada. Meskipun terdapat trend penurunan dalam kes jenayah ragut sejak kebelakangan ini, namun demikian jika perubahan meskipun kecil terhadap modus operandi paragut tidak diberi perhatian oleh pihak berkuasa, dibimbangi akan berlaku kembali trend kenaikan jenayah ragut pada masa akan datang.

## KESIMPULAN

Berdasarkan perbincangan, dapat disimpulkan bahawa jenayah ragut adalah salah satu jenis jenayah jalanan yang membimbangkan. Terdapat pelbagai faktor antaranya adalah desakan hidup, pengganguran, perbandaran dan peningkatan kos hidup mendorong segelintir manusia mengambil jalan mudah dengan meragut bagi mendapatkan wang mahupun barangan yang boleh ditukar menjadi wang. Jenayah ragut telah wujud sekian lama dan modus operandinya juga adakalanya mengalami perubahan. Penggunaan motosikal merupakan antara modus operandi utama penjenayah dan mereka juga lazimnya menyasarkan kumpulan rentan seperti wanita dan warga emas sebagai sasaran utama mereka. Jenayah ragut atau jenayah apa sekalipun lazimnya terkait rapat dengan elemen ruang dan peluang. Jika anggota masyarakat menyedari akan kepentingan menjaga diri mereka dan barangan mereka serta mengambil langkah berjaga-jaga semasa berada di luar. Secara tidak langsung, ruang dan peluang bagi penjenayah untuk meragut akan mengecil. Penjenayah masa kini semakin bijak dalam mengatur aktiviti jenayah mereka, justeru itu, anggota masyarakat turut perlu bijak mengetahui trend terkini penjenayah dan modus

operandi mereka, tidak mudah percaya kepada orang asing dan sentiasa mengambil langkah berjaga-jaga agak tidak mudah menjadi mangsa kepada jenayah ragut.

## RUJUKAN

- Ainur Zaireen Zainuddin & Jalaluddin Abdul Malek. (2010). Keberkesanan program bandar selamat dari perspektif penduduk. Kajian kes Bandaraya Shah Alam. *Jurnal Teknologi*, 53, 13-34.
- Alabi. T. (2017). Youth's unemployment and crime control: an analysis of Nigerian experience. *European Scientific Journal*, 10(2), 301-302.
- Blackburn, R. (1993). *The Psychology of Criminal Conduct: Theory, Research and Practice*. Chichester: John Wiley & Sons.
- Block, R. L. &, & Block, C. R. (1995). Space, Place and Crime: Hot Spot Areas and Hot Places of Liquor Related Crime. *Crime Prevention Studies*, 4, 145-184.
- Eck J. E., Clarke R. V., Guerette R. T. (2007). Risky facilities: Crime concentration in homogeneous sets of establishments and facilities. In Farrell G., Bowers K. J., Johnson S. D., Townsley M. (Eds.), *Imagination for crime prevention: Essays in honour of Ken Pease. Crime prevention studies–Vol. 21* (pp. 225-264). Monsey, NY: Criminal Justice Press.
- Faizah Latiff. (2015). Kea rah pengurangan indeks jenayah jalanan di Pusat Bandar Kuala Lumpur. *GEOGRAFIA Malaysian Journal of Society and Space*, 11(4), 97-107.
- Fonagy. P. (1996). *Attachment Theory and Psychoanalysis*. New York: Other Press,
- John, F. M., Peter, G. G., & David, P. F. (2012). *Explaining criminal careers: implications for justice policy*. United Kingdom: Oxford University Press.
- Kostadis, J. P. (2017)., "Hunger makes a thief of any man": Poverty and crime in British colonial Asia, *European Review of Economic History* 21(1), 1–28. <https://doi.org/10.1093/ereh/hew019>
- Latif, F., & Nordin, N. (2015). Penggunaan Space Syntax dalam Penentuan Kawasan Risiko Jenayah di Bandar. *GEOGRAFI*, 3(1), 79 - 91.
- Mohamad Shahrudin Samsurijan, Mohd Yusof Hussain, Azima Abd Manaf, Rosniza Aznir Che Rose, Novel Lyndon & Mohd Fuad Mat Jali. (2012). Isu keselamatan dalam kesejahteraan komuniti 'kampung dalam bandar' di Bandaraya Alor Setar, Kedah Darul Aman. *GEOGRAFIA Malaysian Journal of Society and Space*, 8(8), 112-120.
- Mohammud Nazirul Mohd Noh. (2016). Persepsi kejiranan terhadap faktor yang mendorong perlakuan jenayah (Tesis). Akses daripada Universiti Teknologi Malaysia.
- Monk, K., Heinonen, J. A., & Eck, J. E. (2010). Street Robbery the Problem of Street Robbery What This Guide Does and Does Not Cover. Retrieved from [http://www.popcenter.org/problems/street\\_robbery/print/](http://www.popcenter.org/problems/street_robbery/print/).
- Nor-Ina Kanyo, Norizan Hj Md. Nor, Ruslan Rainis, Ahmad Tarmizi Abdul Rahman & Norita Jubit. (2015). Mengurus ruang jenayah: satu tinjauan dasar pengurangan jenayah di Malaysia. *GEOGRAFIA Malaysian Journal of Society and Space*, 11(2), 107-117.
- Okafor, E. E. (2011). Youth Unemployment and Implications for Stability of Democracy in Nigeria. *Journal of Sustainable Development in Africa*, 13(1), 122-131.

- Seng Boon Lim, Yong Chee Kong, Mohd Fadzil Abdul Rashid & Jalaluddin Abdul Malek. (2020). A framework of challenges facing the safe city programme in Kuala Lumpur. *Planning Malaysia*, 18(4), 47-61.
- Suhaili Shahril & A'dawiyah Ismail. (2020). Punca-punca keganasan terhadap wanita di tempat awam: kajian di Kuala Lumpur. *Jurnal Islam dan Masyarakat Kontemporari*, 21(1), 235-252.
- Syazwan Msar. (2017). *Kes ragut dan samun meningkat*. Akses daripada <https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2017/12/290289/kes-ragut-dan-samun-meningkat>.
- Yew, E., L. (2012). *Situation Analysis of snatch theft issues in Malaysia*. Kuala Lumpur: MMU University.
- Zarina Othman, Nor Azizan Idris & Mohamad Daud Drius. (2015). Penyalahgunaan dadah sebagai ancaman keselamatan: Analisis keberkesanan program kerajaan dalam mengekang pengrekrutan penagih dadah di Malaysia. *GEOGRAFIA Malaysian Journal of Society and Space*, 11(13), 60-71.

## **MAKLUMAT PENULIS**

### **KHAIRI ANUAR RUSLI**

Bahagian Pentadbiran  
Jabatan Siasatan Jenayah Narkotik  
Bukit Aman  
50560 Kuala Lumpur  
Khairianuarrusli3343@gmail.com

### **NUR HAFIZAH YUSOFF (PENGARANG KORESPONDEN)**

Program Antropologi dan Sosiologi  
Pusat Kajian Pembangunan, Sosial dan Persekitaran (SEEDS)  
Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan (FSSK)  
43600 UKM Bangi  
Selangor  
nur\_hafizah@ukm.edu.my